

PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG KEBAJIKAN TUDM DAN ZAKAT ATM

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4613-penyerahan-sumbangan-tabung-kebajikan-tudm-dan-zakat-atm

KUANTAN, 4 Mac 19 – Pemangku Komandan Institut Latihan Pengurusan Ruang Angkasa (INSPRA), Lt Kol Wan Amir Zaki bin Wan Hassan TUDM telah menyerahkan sumbangan kepada anggota Flait Bahagian Kejuruteraan, PW U I Mohd Hairry Anuar bin A Manaf selepas Taklimat Pagi di Bilik Mesyuarat Sekolah Bomba dan Menyelamat.

Sumbangan daripada Tabung Kebajikan TUDM dan Zakat ATM ini bertujuan untuk membantu anggota dalam meringankan beban kewangan bagi menampung kos perubatan dan rawatan anak anggota yang berstatus kelainan upaya. Seluruh warga INSPRA mendoakan agar anggota tabah menghadapi dugaan dari Allah s.w.t.

